

Headline	Guna bantuan dengan bijak		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	18 Feb 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	17	ArticleSize	251 cm ²
AdValue	RM 1,380	PR Value	RM 4,140



Guna bantuan dengan bijak

ALOR SETAR - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Kedah menasihatkan pelajar terpilih bagi menerima Dana Ibunda Pendidikan Negara supaya menggunakan bantuan berkenaan dengan bijak.

Pengerusinya, Shamsul Bahar Abd Rani berharap penuntut tidak menggunakan wang berkenaan untuk membeli motosikal dan sebagainya, justeru mereka disarankan supaya memasukkan sebahagian dana ke dalam akaun simpanan persendirian seperti Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) ataupun Tabung Haji.

Susulan daripada Majlis Penyampaian Dana Ibunda Pendidikan Negara yang dirasmikan Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor di Universiti Putra Malaysia pada tahun lalu, GPMS melakukan satu kesinambungan daripada tindakan berkenaan dengan menjadi wakil bagi menyampaikan kepada sebahagian penuntut yang masih belum menerimanya.

"Walaupun hanya segelintir penuntut menerima sumbangan ini namun, diharapkan ia mampu menjadi suatu simbolik sebagai mengenang dan memperingati bantuan diberikan bagi meringankan kos pendidikan yang ditanggung.

"Mereka yang mendapat bantuan merupakan penuntut Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ataupun Swasta (IPTS) yang keluarganya berpendapatan kurang RM3,000 dan mempunyai ramai tanggungan," katanya.



Shamsul (tengah) menyampaikan bantuan kepada penuntut UUM, Nor Atikah Zon, sambil diperhatikan ahli jawatankuasa GPMS, Raja Shahrul Husaini Raja Shaharudin (kanan).

Shamsul berkata, mereka yang layak menerima bantuan itu bertuah kerana dipilih sendiri oleh GPMS kawasan selepas menilai kelayakan dan kriteria penuntut terbabit.

Menurutnya, masing-masing menerima RM1,000 hasil usaha GPMS memainkan peranannya untuk mendapatkan dana daripada Yayasan Pelajaran Mara (YPM).

"Kami mengharapkan agar semua pihak termasuk individu, badan korporat dan agensi agar dapat menyalurkan dana bagi membantu penuntut kurang berkemampuan.

"Bantuan yang ingin dihulurkan tidak semestinya berupa kewangan, sebaliknya pemberian kelengkapan pembelajaran seperti buku juga boleh," katanya.

Sementara itu, penuntut Universiti Utara Malaysia (UUM), Nor Atikah Zon, berkata, dia tidak menyangka dipilih sebagai penerima bantuan itu dan dia sememangnya memerlukan kos yang tinggi bagi menampung keperluan pada awal semester ini.

"Saya gembira dan teruja, malah berjanji akan menggunakan wang ini sebaik mungkin bagi menampung kos pengajian" katanya.